

Aku berdarah bisnes

Wanita berhenti jadi guru sandaran cuba pelbagai perniagaan sebelum jual cendol

FOTO | Shiraz Yasmine Ali



>>Oleh Nor Faizah Mohamed
faizah@metro.com.my

JIKA diturutkan hati, mahu saja Syahrilla Che Husain meneruskan kariernya sebagai pendidik memandangkan minat dan kelulusannya dalam bidang itu.

Namun atas desakan hidup, wanita dari Kedah itu terpaksa mencari alternatif lain bagi menyara perbelanjaan harian memandangkan tugasnya hanya sebagai guru sandaran. "Sejurus tamat pengajian dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu daripada Universiti Putra Malaysia pada 2004, Syahrilla ditugaskan mengajar kelas prasekolah di Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani.

Tahun berikutnya, Syahrilla ditempatkan pula di Sekolah Agama Daris, Sungai Petani dan kali ini mengajar subjek Bahasa Melayu serta Sejarah untuk pelajar tingkatan satu hingga enam.

Dengan gaji asas sebanyak RM400 sebulan, Syahrilla terus mengajar di sekolah itu sehingga hujung 2007 sebelum kembali memohon jawatan tetap dalam bidang itu.

"Sudah banyak kali saya menghantar permohonan untuk jawatan tetap memandangkan gaji sebagai guru sandaran ha-


nya cukup untuk perbelanjaan diri hingga saya tidak mampu menyumbang bantuan pada keluarga. Pinjaman pendidikan yang saya ambil juga sukar dilangsaikan kerana tidak cukup peruntukan.

"Selepas hampir lima tahun memohon dan menunggu, saya akhirnya ambil keputusan meninggalkan dunia pendidikan dan beralih kepada bidang perniagaan. Memang sedih, tapi saya terpaksa mencari jalan lain untuk menampung perbelanjaan diri dan keluarga," katanya.

Peluang mencuba nasib dalam bidang perniagaan muncul apabila bekas pelajarinya, Nur Elyanie Rasele menjadikannya rakan kongsi berniaga makanan di sekitar Taman Jasmin, Kajang, Selangor.

"Saya pernah mengajar Elyanie, beberapa tahun lalu dan sejak itu hubungan kami makin akrab bagaikan adik dengan kakak. Malah, keluarganya turut menerima saya seperti anak mereka.

"Elyanie dan keluarganya membuka perniagaan nasi lemak secara kecil-kecilan di kawasan perumahan Taman Jasmin. Dengan hanya bersandarkan pengalaman membantu bapa berniaga cendol di Kedah pada 1990-an, saya menerima ajakan itu dan kami pun mula berniaga nasi lemak berhampiran rumah Elyanie pada pertengahan 2008," ujar anak ketiga daripada tujuh beradik itu.



SYAHKILLA (INSPIRA11)... sediakan cendol buatan sendiri.

ran rumah Elyanie pada pertengahan 2008," ujar anak ketiga daripada tujuh beradik itu.

Terik matahari yang diharapkan hingga ke petang bagaimanapun tidak dapat bertahan lama atas beberapa faktor antaranya lokasi dan modal yang tidak mencukupi hingga akhirnya dua sahabat itu membawa haluan masing-masing.

Syahrilla kembali menjadi guru sandaran di Cheras sementara Elyanie bekerja di sebuah restoran makanan segera di kawasan rumahnya.

Nasib malang terus melanda Syahrilla apabila gajinya sepanjang tiga bulan di Cheras lesap daripada akaun banknya. Sudahlah tayar motosikalnya pancit, duit gaji hampir

sahabat itu tidak mampu diselamatkan dan mereka kembali menggantung.

Pernah juga mereka cuba menjual buah-buahan, bagaimanapun tidak dapat bertahan lama atas beberapa faktor antaranya lokasi dan modal yang tidak mencukupi hingga akhirnya dua sahabat itu membawa haluan masing-masing.

Syahrilla kembali menjadi guru sandaran di Cheras sementara Elyanie bekerja di sebuah restoran makanan segera di kawasan rumahnya.

Nasib malang terus melanda Syahrilla apabila gajinya sepanjang tiga bulan di Cheras lesap daripada akaun banknya. Sudahlah tayar motosikalnya pancit, duit gaji hampir



HASIL SUSAH PAYAH... Restoran Cendol Uncle Husain mula beroperasi awal Jun lalu.

RM8,000 hilang dicuri sindiket penipuan perbankan dalam talian.

"Sedih, marah, keliru dan bermacam perasaan bercampur baur dalam diri saya. Saya langsung tiada wang ketika itu dan saya menagis sepanjang perjalanan pulang.

"Tapi, insiden itu turut menyedarkan saya bahawa saya perlu kembali berniaga. Saya mempunyai pengalaman menjual cendol buatan sendiri, jadi timbul idea melakukannya semula dan kali ini di lokasi yang lebih sesuai," kata wanita berusia 30 tahun itu.

Syahrilla kembali meminta bantuan Elyanie dan mereka mula merancang membuka restoran menjual cendol di bandar Kajang. Atas bantuan kewangan daripada kakak Syahrilla, Juliana dan abang

iparnya, Redzuan serta keluarga Elyanie, Restoran Cendol Uncle Husain pun beroperasi secara rasmi di Taman Sentosa Villa pada awal Jun lalu.

"Di restoran ini, kami menyediakan cendol buatan sendiri dengan pelbagai pilihan serta beberapa masakan panas. Cendol di restoran ini 100 peratus dibuat dengan tangan, tanpa mesin kerana kami belum mampu mendapatkan mesin yang agak mahal.

"Alhamdulillah walaupun baru tujuh bulan dibuka, perkembangannya amat menggalakkan memandangkan restoran ini terletak berhampiran hospital dan penjara Kajang. Kami juga kini dalam proses memohon bantuan daripada Mardi dan Fama untuk mengembangkan lagi perniagaan ini," ujarnya.

Jika anda memiliki kisah benar yang mampu menjadi dorongan bagi wanita sama ada kisah pembadi atau teman, e-mel kami di myinspira@tupperware.com untuk memenangi Anugerah Wanita Inspira Tupperware Brands (Bahagian Pembaca) dan juga lawatan ke Korea Selatan.

Jika kisah ini menjadi inspirasi bagi anda, sila undi dan menang hadiah sumbangan Tupperware Brands berjumlah RM50,000. Hadiah minggu ini ialah Go Flex x2 (gambar di bawah) bernilai RM68.80

UNDI & MENANG

Sila taip
<tupperware><jarak><anugerah><jarak>
<inspira11><jarak><nama anda><jarak><negeri anda>
hantar sms ke 32300.
 Cth: tupperware anugerah inspira11 Anita Sofia Selangor.
 RM0.60 akan dikenakan untuk setiap SMS. Kadar caj biasa telco dikenakan.

Tingkatkan taraf hidup anda dengan **Tupperware Brands**

Memperkayakan • Mendidik • Menceritakan

Tupperware®

natur.care™

BEAUTICONTROL™

TUPPERCHEF™

Tupper Clean™

Sertainlah buan wanita Malaysia dan lebih 2 juta di serata dunia yang telah berjaya bersama Tupperware Brands.
 Tel: 1 800 88 3456
www.tupperwarebrands.com.my